

### **1. Syarat-syarat Wajib Dipenuhi Untuk Mendapat Kemudahan Pembiayaan**

Kemudahan ini akan disediakan kepada anda setelah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini (termasuk yang diperincikan di bawah ini) dan dokumen-dokumen cagaran seperti yang dikehendaki Bank.

- (a) Membuka akaun semasa dengan Bank;
- (b) Menerima arahan tetap tak boleh batal kepada Bank untuk pembayaran faedah dan ansuran bulanan;
- (c) Tidak terdapat perubahan matan pada keadaan anda atau apa-apa keadaan yang menjelaskan atau berpotensi menjelaskan cagaran Bank yang pada pendapat Bank akan memberi kesan negatif kepada Bank atau kemampuan anda untuk menuaikan obligasi anda di bawah ini dan menurut dokumen-dokumen cagaran lain selaras dengan terma-termanya;
- (d) Bank menerima pengesahan daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP") tentang kelulusan jaminan atas terma-terma yang boleh diterima Bank ("Skim Jaminan"). Peruntukan yang menentukan Skim Jaminan yang ditawarkan oleh SJPP digariskan dalam Klausa 17 Terma dan Syarat Utama ini.
- (e) Bank menerima indemniti atau (jika berkenaan) jaminan daripada orang (-orang) yang dinamakan dalam Surat Tawaran (isi utamanya) (jaminan adalah bagi Amaun Pinjaman campur faedahnya dan semua wang lain yang terhutang di bawah atau berkenaan Pinjaman dan dokumen-dokumen berkaitan);
- (f) Semua fi, caj, kos dan perbelanjaan termasuk duti setem, bersabit dengan Pinjaman yang diberi, Surat Tawaran ini dan dokumen cagaran lain yang didapat di dalam ini (jika ada), akan ditanggung oleh anda dan Bank berhak mendebit akaun anda dengan Bank sebagai bayaran yang sama atau potongan yang sama daripada Amaun Pinjaman;
- (g) semua dokumen cagaran berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman telah disempurnakan dan/atau disetem dan/atau didaftarkan dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan;
- (h) Bank telah menerima semua aku janji dan pengesahan berkaitan seperti dikehendaki Bank;
- (i) Anda telah menuruti dan mematuhi seperti dikehendaki Bank segala keperluan operasi Kemudahan Pinjaman seperti mana disyaratkan Bank dari semasa ke semasa;
- (j) Apa-apa terma dan syarat lain seperti yang ditetapkan oleh Bank

### **2 Representasi dan Waranti**

- 2.1 Dengan ini anda memberi representasi dan waranti kepada Bank bahawa:
- (a) anda akan menyempurnakan dan melaksanakan Surat Tawaran:
    - (i) tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau peraturan, atau mana-mana perintah atau dekri yang dikeluarkan pihak pihak berkuasa kerajaan atau mahkamah yang kepadanya anda, penjamin anda dan/atau mana-mana pihak cagaran lain wajib akur; atau
      - (ii) tidak akan melanggar mana-mana kontrak, aku janji atau surat cara lain yang kepadanya anda atau mana-mana pihak cagaran menjadi pihak di dalamnya atau yang mana mengikat ke atas anda atau mana-mana pihak cagaran; atau
        - (iii) tidak akan menyebabkan penciptaan atau pengenaan gadai janji, lien, sandaran atau tanggungan ke atas mana-mana aset atau hasil anda atau pihak cagaran anda di bawah peruntukan mana-mana kontrak, aku janji atau surat cara lain;
    - (b) tiada pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Transaksi Kredit dan pendedahan dengan pihak-pihak berkait ("Garis Panduan") dan anda akan memberitahu Bank secara bertulis dengan segera jika sebarang pertalian yang disebut dalam FSA dan/atau Garis Panduan itu dapat dibuktikan atau dipastikan pada bila-bila masa;
    - (c) segala apa jua persetujuan, kelulusan dan/atau kebenaran yang dikehendaki atau sebaliknya untuk atau bersabit dengan penyempurnaan, penyampaian, pelaksanaan, keesahan dan kebolehkuatkuasaan Surat Tawaran, jaminan dan cagaran-cagaran lain (jika berkenaan) telah diperoleh dan sedang berjalan kuat kuasa sepenuhnya;
    - (d) anda, penjamin anda dan mana-mana pihak penyedia cagaran lain tidak mengingkari mana-mana perjanjian yang anda adalah salah satu pihaknya dan mungkin terikat;
    - (e) tiada prosiding pendakwaan, litigasi, timbangtara atau pentadbiran yang ketika ini ada atau belum selesai atau diancam yang mungkin menjelaskan kesolvenan atau keupayaan anda atau pihak penyedia cagaran untuk menuaikan obligasi menurut Surat Tawaran dan/atau mana-mana jaminan dan/atau dokumen cagaran lain;
    - (f) semua butiran dan/atau akuan yang diberi, disediakan atau dibuat oleh anda, penjamin anda dan pihak-pihak penyedia cagaran yang lain berkenaan permohonan Pembiayaan adalah benar, tepat dan betul dalam segenap segi; dan

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW

(g) anda dan/atau pihak-pihak cagaran lain telah mendapatkan keizinan semua individu yang dinamakan dalam permohonan Kemudahan Pinjaman anda atau apa-apa dokumen lain yang diserahkan kepada Bank sebagai menyokong permohonan tersebut dan/atau wakil-wakil sah mereka masing-masing, termasuk tetapi tidak terhad kepada para pengarah, pemegang syer, penandatangan sah mereka atau mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank ("Subjek Data Berkennaan") untuk kutipan, pegangan dan penggunaan Bank akan maklumat peribadi Subjek Data Berkennaan menurut Dasar Privasi Bank\*\* yang dipinda dari semasa ke semasa

\*\***Notis Privasi** adalah bermaksud segala dasar dan prinsip Bank berhubung dengan kutipan, penggunaan dan simpanan maklumat peribadi semua individu dan entiti sedia ada dan bakal (prospektif) yang berurus dengan Bank dan yang dipinda dari semasa ke semasa serta dihebahkan dalam laman web Bank atau menurut cara yang Bank anggap sesuai dari semasa ke semasa,

(h) tidak satu pun kejadian ingkar itu yang dinyatakan dalam Surat Tawaran telah berlaku dan masih berterusan.

- 2.2 Representasi dan waranti di atas ini adalah betul dan akan dituruti selagi Kemudahan Pinjaman itu tetap disediakan dan sehingga semua hutang-piutang yang kena dibayar itu menurut Kemudahan Pinjaman telah dilangsankani.

**3 Penggunaan Kemudahan**

Jika Kemudahan Pinjaman itu tidak digunakan kerana apa jua sebab sekalipun dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh Surat Tawaran atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh Bank tanpa mengira sama ada dokumen-doukmen pinjaman/cagaran telah disiapkan atau tidak, pihak Bank bebas menarik balik Kemudahan itu ataupun meminda terma-terma Kemudahan.

**4 Faedah**

- 4.1 Faedah akan dikenakan ke atas baki harian melainkan dinyatakan sebaliknya.

Pindaan Kadar Faedah - Tanpa mengambil kira mana-mana peruntukan lain dalam Surat Tawaran ini, Bank berhak atas budi bicara mutlaknya, dari semasa ke semasa, dan tanpa keperluan perjanjian di pihak anda: (i) mengganti dan/atau mengubah seluruh asas pengiraan Kadar Ditetapkan; dan/atau (ii) meminda, menukar dan/atau mengganti Kadar Rujukan; dan/atau (iii) meminda margin yang dikenakan di atas atau di bawah Kadar Rujukan; dan/atau (iv) meminda apa-apa komisen, diskau atau apa-apa caj perbankan lain. Bank boleh melakukan kombinasi salah satu atau lebih daripada apa yang disebut di atas dan boleh, atas budi bicara mutlaknya, meminda amaun ansuran bulanan atau bilangan ansuran bulanan kerana perubahan Kadar Ditetapkan, margin atau kadar faedah ingkar atau kerana apa jua sebab.

"Kadar Rujukan" bermaksud kadar rujukan setahun dari semasa ke semasa ditetapkan oleh Bank sebagai kadar pinjamannya untuk kemudahan kredit/pembayaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada BLR, BR, ECOF, FDR atau KLIBOR mengikut mana yang berkenaan atau apa-apa kadar lain biar apa pun namanya yang diberi seperti mana disebut oleh Bank, jika berkenaan, dari semasa ke semasa. ECOF ditakrif sebagai kos kepada Bank kerana mendanai Kemudahan Pinjaman daripada apa jua sumber pilihannya atas budi bicara mutlaknya, ditambah pula dengan kos mengekalkan rizab statutori, keperluan mudah tunai, kos pentadbiran dan kos kredit serta apa-apa kos berkait Bank seperti ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**Kadar Ditetapkan Minimum**

Kadar Ditetapkan minimum bagi Kemudahan Pinjaman tidak akan kurang daripada 3.00% setahun dikira atas baki harian atau apa-apa kadar minimum lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Akan tetapi, Kadar Ditetapkan minimum ini tidak terpakai bagi Kemudahan Pinjaman yang dipancangkan kepada BR atau KLBOB yang dengannya Kadar Rujukan minimum yang terpakai bagi Kemudahan Pinjaman tersebut tidak akan kurang daripada 0.00% setahun dikira atas baki harian atau apa-apa kadar minimum lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW

4.2

**Faedah Tambahan** – Jika anda ingkar dalam mana-mana dua (2) bayaran faedah kumulatif sebelum pembayaran penuh dibuat atau ingkar dalam mana-mana dua (2) bayaran bulanan kumulatif, sepanjang tempoh masa Kemudahan Pinjaman, Bank atas budi bicaranya berhak meminda Kadar Ditetapkan kepada 8% setahun di atas BLR atas baki harian atau apa-apa kadar lain yang ditetapkan oleh Bank atas baki belum lunas.

**Faedah Ingkar** – Jika anda ingkar dalam bayaran apa-apa wang, sama ada jumlah pokok atas faedah atau atas apa jua jumlah, atau sekiranya Bank panggil balik Kemudahan Pinjaman, maka faedah pada kadar 1% setahun akan dikenakan atas jumlah kena bayar dari masa ingkar sehingga masa jumlah wang dibayar (kedua-duanya sebelum serta juga selepas tuntutan atau penghakiman dibuat).

**5 Pemodalan Faedah**

Hak Bank untuk mengenakan faedah kompaun seperti yang diberi oleh Surat Tawaran ini kepada Bank akan terus berlaku dan akan tetap berlaku walaupun ada dikeluarkan dan/atau disampaikan surat tuntutan bayaran wang atau apa-apa jumlah wang yang dengan ini diperoleh dan/atau walaupun hubungan jurubank-pelanggan antara kedua-dua pihak mungkin telah terhenti atas apa jua sebab atau kerana apa jua sebab sekalipun.

**6 Faedah Dikecualikan Daripada Had Wang Pokok**

Bagi tujuan memastikan sama ada had Kemudahan Pinjaman yang dicadang supaya dicagar telah dilebihi atau tidak, semua faedah yang dikumpul dan dimodalkan akan dianggap faedah bukannya wang pokok.

**7 Pembayaran Balik Pinjaman Bertempoh**

- 7.1 Kemudahan pinjaman bertempoh akan dibayar balik melalui ansuran bulanan seperti dinyatakan dalam Surat Tawaran atau apa-apa amaun lain yang ditetapkan oleh Bank dan akan bermula pada haribulan pertama bulan kalender berikut sesudah pelepasan penuh Kemudahan Pinjaman bertempoh atau bermula pada sesuatu masa lain atau sebanyak amaun lain melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Bank tetapi tertakluk kepada hak Bank untuk meminta bayaran balik penuh apabila dituntut atas budi bicara mutlak Bank.

**8 Panggil Balik Kemudahan**

- 8.1 Bank boleh menggantung penggunaan atau memanggil balik Kemudahan Pinjaman sekiranya anda tidak membayar jumlah wang yang kena dibayar atau jika anda atau pihak-pihak cagaran melanggar mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan/atau dokumen pinjaman/dokumen cagaran, sebarang maklumat/dokumen dan/atau representasi atau waranti atau waranti yang diberi itu tidak betul/palsu, atau telah berlaku keingkaran atas sesuatu akaun dengan Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau kegagalan membuat akaun menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait atau apabila berlakunya sesuatu kejadian keingkaran yang disebut dalam dokumen pinjaman/dokumen cagaran.

**9 Kajian Semula Akaun & Penilaian**

- 9.1 Tidak ada apa pun dalam Surat Tawaran ini boleh dieritkan meletakkan obligasi ke atas Bank sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk mengadakan atau berterusan mengadakan Kemudahan Pinjaman ini kepada anda. Kemudahan Pinjaman dan segala faedah, kos dan fi, termasuk fi pembaharuannya (jika berkenaan) perlulah dibayar apabila dituntut dan Bank berhak mendebit akaun anda dengan Bank.
- 9.2 Walau pun dinyatakan sebaliknya dalam Surat Tawaran atau Lampiran yang dikembangkan padanya, dan walau pun tujuan-tujuan tertentu dipersetujui di sini, Bank berhak mengkaji semula pemberian dan/atau penyambungan Kemudahan Pinjaman pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa (tanpa mengira sama ada Kemudahan Pinjaman atau mana-mana bahagiannya telah digunakan atau dibelanjakan atau sama ada sesuatu kejadian keingkaran telah berlaku atau tidak) termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan-keadaan berikut:-

- (a) apabila berlaku perubahan pada undang-undang atau peraturan berkenaan sehingga mustahil atau salah di sisi undang-undang bagi Bank untuk terus menyediakan Kemudahan ini atau bahagiannya kepada anda atau jika anda atau mana-mana pihak cagaran lain akan terjejas oleh perubahan ketara pada keadaan yang pada pendapat Bank memberi kesan negatif terhadap keupayaan anda dan/atau mana-mana pihak cagaran untuk menunaikan obligasi anda/mereka di bawah ini dan menurut Dokumen-dokumen Cagaran lain atau berkemungkinan besar memberi mudarat kepada Bank; atau
- (b) jika mana-mana representasi dan waranti anda/pihak-pihak cagaran akan pada bila-bila masa didapati tidak betul dalam segenap segi matan; atau
- (c) jika mana-mana syarat yang dinyatakan di dalam ini dilanggar atau tidak dipenuhi sebagaimana dikehendaki Bank;

dan setelah membuat kajian semula, Bank berhak menggunakan mana-mana hak dan kuasanya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, menamatkan atau memanggil balik Kemudahan Pinjaman atau mana-mana bahagiannya, dan anda dengan ini bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan/atau membayar balik kepada Bank hutang-piutang yang semasa itu kena dibayar dan belum lunas di bawah Kemudahan itu.

#### **10 Pendedahan**

Dि samping pendedahan dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“FSA”) anda memberi kuasa dan keizinan kepada Bank, para pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan dan membekalkan segala maklumat mengenai Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini, akaun anda masa ini dan masa akan datang dan apa hal lain berkaitan dengan anda atau perniagaan dan operasi anda kepada:-

- (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi kemudahan kredit kepada anda, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang dibenarkan undang-undang untuk mendapat apa-apa maklumat tersebut atau pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank di Malaysia;
- (b) mana-mana perbadanan masa kini atau masa akan datang yang bersekutu atau berkait dengan Bank (seperti diperhal dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan pejabat cawangan dan wakil mereka masing-masing serta juga subsidiari-subsidiari syarikat induk Bank;
- (c) pihak-pihak Cagaran anda atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran bagi Kemudahan Pinjaman itu;
- (d) juruaudit Bank, peguam cara dan/atau ejen bersabit dengan pemerolehan kembali wang terhutang dan kena dibayar di bawah ini; dan
- (e) penasihat profesional Bank, penyedia perkhidmatan, nomini, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh Bank dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutunya.

Dengan ini anda memberi keizinan tak boleh batal bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa, dengan mengambil kira apa-apa kerugian yang timbul secara langsung daripada keingaran sengaja atau kecuaian melampau, maka Bank, para pegawai dan pekerjanya tidaklah menanggung liabiliti kerana membekalkan maklumat tersebut atau kerana akibat kebergantungan yang diletak atas maklumat yang dibekalkan itu menurut Surat Tawaran ini.

Dengan ini anda memberi kuasa dan keizinan kepada Bank mendapatkan apa-apa maklumat mengenai anda daripada mana-mana agensi atau sumber rujukan kredit dan pada bila-bila masa yang denggap sesuai oleh Bank.

#### **11 Keizinan Memproses Maklumat Peribadi**

Dengan ini anda bersetuju dan memberi izin untuk memegang, mengumpul dan menggunakan segala data peribadi yang dibekalkan kepada Bank atau diperoleh Bank daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul daripada penyediaan perkhidmatan kepada anda bersabit dengan Kemudahan Pinjaman atau akaun anda yang lain diselenggara dengan Bank, menurut Notis Privasi\*\* Bank yang dipinda dari semasa ke semasa .

#### **12 Kos Guaman & Perbelanjaan Lain**

Segala fi, kos dan perbelanjaan lain (termasuk duti setem, fi guaman dan fi profesional lain) bersabit dengan Kemudahan Pinjaman dan dokumen pinjaman/cagaran akan ditanggung oleh anda tidak kira sama ada Kemudahan

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW

Pinjaman digunakan, ditarik balik atau dibatalkan atau tidak, atas apa jua sebab sekalipun. Sekiranya Kemudahan itu perlu diperoleh kembali melalui proses undang-undang, maka segala fi dan perbelanjaan bersabit dengan pemerolehan kembali tersebut termasuk fi dan kos peguamcara Bank (atas dasar peguamcara-klien) akan ditanggung oleh anda. Bank berhak mendebit fi, kos dan perbelanjaan yang tersebut tadi kepada akaun anda ataupun memotongnya daripada amaun Kemudahan Pinjaman pada masa pembayaran dibuat.

**13 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“FSA”) dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait (“Garis Panduan”)**

Untuk membolehkan Bank mematuhi FSA dan Garis Panduan tersebut, anda hendaklah membuat akaun kepada Bank sama ada anda adalah satu pihak berkait menurut Garis Panduan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, suami/isteri, anak, ibu/bapa atau tanggungan kewangan Pengarah Bank, Pengarah Eksekutif atau pegawai kelulusan/penilaian/semasakan kredit Bank atau bagi seorang Pegawai Korporat/Perniagaan, termasuk entiti yang dikuasai individu-individu Bank yang tersebut tadi. Jika pada bila-bila masa anda menjadi seorang yang berkait, maka anda mestilah memberitahu Bank melalui surat dengan serta-merta. Bank berhak menamatkan Kemudahan Pinjaman jika anda gagal membuat akaun yang wajar atau betul, sehingga akibatnya Bank melanggar FSA atau Garis Panduan tersebut.

**14 Cukai Kerajaan dan/atau caj, fi dsb. menurut statutori/kawal selia**

14.1 Bagi tujuan Fasal ini:

“Cukai” bermakna apa-apa cukai, levi, impos, duti, caj, fi, potongan Malaysia atau negara asing, langsung atau tak langsung, masa sekarang atau masa akan datang atau penahanan apa pun jenisnya, yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Sesuai, termasuk, tanpa batasan, apa-apa cukai penggunaan seperti cukai barang dan perkhidmatan (“GST”) dan cukai-cukai lain apa pun namanya, dan apa-apa faedah, denda atau penalti berkenaan dengannya.

“Pihak Berkuasa Sesuai” bermakna mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan atau cukai

14.2 Fi, caj dan segala wang lain yang anda kena bayar kepada Bank di bawah Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen-dokumen cagaran lain, termasuk apa-apa amaun yang mewakili pembayaran ganti yang perlu anda bayar kepada Bank, adalah tidak termasuk apa-apa Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa apa-apa tolak-selesai, sekatan atau syarat dan tanpa apa-apa potongan bagi atau atas sebab apa-apa tuntutan balas atau apa-apa potongan atau penahanan.

14.3 Sekiranya anda dikehendaki undang-undang membuat potongan atau penahanan daripada fi, caj dan/atau segala wang lain yang kena dibayar kepada Bank menurut Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen cagaran lain berkenaan apa-apa cukai atau sebaliknya, maka jumlah wang yang anda bayar yang baginya potongan atau penahanan diperlukan maka hendaklah ditambah supaya fi/caj bersih dan/atau amaun wang bersih yang diterima Bank adalah setara dengan apa yang patut Bank terima jika tiada potongan atau penahanan diperlukan atau dilakukan.

14.4 Di samping fi, caj dan segala wang lain yang kena dibayar, anda hendaklah membayar kepada Bank segala Cukai berkenaan pada kadar semasa berkaitan dan/atau apa-apa amaun yang ditentukan oleh Bank untuk menampung apa-apa bayaran/liabiliti/obligasi Cukai bersabit dengannya, tanpa sebarang tolak-selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau atas sebab apa-apa tuntutan balas atau apa-apa potongan atau penahanan, selain apa-apa Cukai yang dikehendaki undang-undang dan perlu anda bayar langsung kepada mana-mana Pihak Berkuasa Sesuai, yang perlu anda remit langsung kepada Pihak Berkuasa Sesuai.

14.5 Jika pada bila-bila masa pelarasian dibuat atau perlu dilakukan antara Bank dengan pihak berkuasa berkaitan atas akaun apa-apa amaun yang dibayar sebagai Cukai berbangkit daripada apa-apa bekalan dibuat atau dianggap telah dibuat atau hal lain bersabit dengan Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen cagaran lain oleh Bank, maka pelarasian sepadan boleh atas budi bicara Bank dibuat antara Bank dengan anda dan dalam hal sedemikian, apa-apa bayaran yang perlu bagi melaksanakan pelarasian itu hendaklah dibuat.

14.6 Segala Cukai yang kena anda bayar kepada Bank sebagaimana diperuntukkan di dalam ini hendaklah dibayar pada masa-masa yang diminta oleh Bank.

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW

- 14.7 Dengan ini anda bersetuju untuk berbuat apa-apa semunasabinya diminta oleh Bank untuk membantu Bank dalam mematuhi obligasinya menurut undang-undang berkenaan yang di bawahnya Cukai dikenakan. Sekiranya satu Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan atas transaksi yang dicadangkan dalam Surat Tawaran ini, anda bersetuju memberi segala kerjasama kepada Bank untuk membantu Bank menunaikan obligasinya di bawah undang-undang berkenaan.
- 14.8 Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak berkenaan bersetuju bahawa apa-apa jumlah wang yang kena dibayar atau amaun yang akan digunakan dalam pengiraan jumlah wang yang kena dibayar dan diungkapkan mana-mana dalam Kemudahan Pinjaman, maka Surat Tawaran ini dan/atau dokumen cagaran lain telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak memasukkan amaun yang perlu ditambah di bawah Fasal ini kerana Cukai.

**15 Pelbagai**

15.1 Bank boleh setelah memberi notis kepada anda:-

- (a) mengubah atau menyimpang daripada terma dan syarat Kemudahan Pinjaman dan/atau dokumen cagaran dan anda nyata dengan ini menyuarakan persetujuan kepada sebarang dan kesemua pengubahan dan/atau penyimpangan (biar pun besar) asalkan pengubahan atau penyimpangan tersebut adalah disebabkan berlaku salah satu keadaan atau kejadian berikut :-
- (i) perubahan kadar pinjaman atau perubahan tempoh/ansuran bayaran balik dan amaun akibat pergerakan Kadar Rujukan Bank atau 3-month KLIBOR; atau
  - (ii) supaya selari dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau Kerajaan; atau
  - (iii) supaya selari dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Persatuan Bank-bank/Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia; atau
  - (iv) pertambahan spread pinjaman tertunggak; atau
  - (v) pertukaran pengarah atau pemegang syer utama akibat peletakan jawatan atau pelupusan saham atau perubahan aktiviti utama anda (jika peminjam adalah sebuah syarikat); atau
  - (vi) ketidakpatuhan kepada Terma dan Syarat Kemudahan Pinjaman tanpa mendapat keizinan bertulis Bank terlebih dahulu
  - (vii) kemudahan Pinjaman tidak digunakan untuk tujuan yang dicadangkan; atau
  - (viii) apabila kedudukan kewangan anda merosot; atau
- (b) menguruskan pelepasan pertukaran atau mengubahsuai apa-apa dokumen cagaran atau hak yang mungkin sekarang atau pada bila-bila masa kemudiannya atau dari semasa ke semasa didapatinya daripada atau terhadap anda atau mana-mana orang lain; atau
- (c) mengkompaun dengan anda atau mana-mana pihak cagaran atau mana-mana orang lain.

15.2

Tanpa mengesampingkan apa-apa peruntukan lain di dalam ini, sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana obligasinya atau apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan atas sebarang sebab di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, kacau bilau awam, pertikaian perindustrian, embargo, peperangan, atau kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api atau apa-apa faktor bersifat *force majeure*, maka Bank tidak sekali-kali bertanggungjawab terhadap sebarang susah payah, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh anda akibat daripadanya.

15.3

Tanpa menjelaskan mana-mana peruntukan lain di dalam ini, dan dengan mengambil kira kerosakan yang timbul secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuaian melampau Bank, maka Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga atas kerosakan kerana keingkaran, peninggalan, kecuaian, kemungkiran kontrak, kehilangan keuntungan atau pendapatan, nama baik atau apa-apa jenis kerugian atau kerosakan khas, teladan, sampingan, langsung atau berbangkit biar bagaimana timbulnya sama ada Bank telah diberi nasihat akan hal yang sama atau tidak. Sekiranya Bank dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerosakan dengan mengambil kira hal-hal yang disebut awal tadi, maka jumlah amaun seluruh liabiliti Bank tidak akan melebihi amaun pokok transaksi terlibat yang menimbulkan tuntutan itu.

15.4 Bagi tujuan tafsiran, "tahun" bermakna satu tahun 365 hari.

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW**16 Cara Komunikasi**

Bank berhak menyampaikan sebarang pemberitahuan akan datang kepada anda secara bertulis atau elektronik, seperti penghantaran faks, khidmat pesanan ringkas (SMS), emel atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank menurut budi bicaranya yang mutlak.

**17 Syarat-syarat Kemudahan menurut Skim Jaminan Portfolio yang ditawarkan CGC**

- (i) Jaminan atas nama Bank oleh CGC menurut Skim Jaminan Portfolio sebanyak 70 % Amaun Pinjaman;
- (ii) Pemberian Pinjaman menurut Skim Jaminan Portfolio adalah tertakluk kepada kelulusan CGC dan keizinan mestilah diperoleh daripada CGC bagi sebarang penyusunan semula dan/atau pengubahan yang dibuat ke atas terma dan syarat sedia ada bagi Pinjaman yang dijamin CGC;
- (iii) Fi Jaminan untuk liputan CGC hendaklah dibayar dimuka dan pada setiap tahun atau pada bila-bila masa seperti yang ditetapkan oleh CGC dari semasa ke semasa;
- (iv) Sekiranya jaminan di bawah Skim Jaminan Portfolio ditamatkan, Bank berhak membatalkan Kemudahan Pinjaman pada bila-bila masa. Jika berlaku pembatalan, pemulangan Fi Jaminan yang telah dibayar itu perlu diluluskan oleh CGC;
- (v) Sekiranya anda ingin menyambung Kemudahan Pinjaman selepas loputnya tempoh Skim Jaminan Portfolio ataupun liputan CGC telah berlalu, maka penyambungannya perlu diluluskan oleh Bank atas budi bicaranya yang mutlak, dan Bank boleh memindahkan terma dan syarat Kemudahan Pinjaman yang diberi kepada anda atas budi bicara Bank; dan
- (vi) Sekiranya keadaan berubah sehingga menyebabkan anda tidak lagi layak di bawah Skim Jaminan Portfolio, maka Bank boleh atas budi bicaranya yang mutlak atau apabila diarah oleh CGC, menamatkan atau memanggil balik Kemudahan Pinjaman, mengubah terma dan syarat semasa (termasuk kadar faedah), dan/atau meletakkan apa-apa syarat tambahan yang dianggap perlu atau wajar oleh Bank atas budi bicaranya yang mutlak.

**18 Gangguan Pasaran**

Jika pada pendapat Bank, semenjak tarikh Surat ini telah berlaku perubahan keadaan kewangan, ekonomi atau politik di peringkat nasional atau antarabangsa atau perubahan kadar pertukaran mata wang atau kawalan pertukaran yang menjadikan Kemudahan Pinjaman itu tidak praktikal atau mustahil dari segi komersial secara sementara atau kekal, maka Bank akan memaklumkan kepada anda akan hal itu; dan

- (i) selagi keadaan sedemikian masih wujud, penggunaan Kemudahan Pinjaman itu tidak dibenarkan;
- (ii) Bank akan dengan niat baik merundingkan suatu asas alternatif yang boleh diterima oleh Bank bagi menyambung semula Kemudahan Pinjaman itu; dan
- (iii) melainkan dalam tiga puluh (30) hari selepas memberi notis sedemikian, keadaan tersebut tidak lagi wujud atau suatu asas alternatif yang boleh diterima oleh Bank telah dapat dicapai, maka Kemudahan Pinjaman itu akan dibatalkan.

**19 Kemudahan Tambahan**

Bank boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa menurut budi bicaranya yang mutlak dan tanpa menjelaskan cagaran Bank, atas pemintaan anda, memberi kemudahan tambahan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank.

**20 Waad Positif**

Dengan ini anda berwaad dengan Bank bahawa pada setiap masa sepanjang penyambungan Kemudahan Pinjaman anda akan:

- (a) memberitahu Bank dan mengusahakan supaya Bank dimaklumkan akan apa-apa perubahan pemegang syer utama dan/atau lembaga pengurusan dan/atau keanggotaan dan/atau mana-mana Pihak Cagaran yang merupakan sebuah perbadanan; dan
- (b) memastikan Kemudahan Pinjaman akan bertaraf *pari passu* dengan segala kemudahan sebanding lain yang diberi kepada anda oleh bank-bank lain.

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW**21 Peristiwa Keingkaran**

Seluruh hutang di bawah Kemudahan Pinjaman dan Surat Tawaran ini akan genap masa dan perlu serta-merta anda bayar kepada Bank apabila salah satu peristiwa berikut berlaku:

- (a) jika anda gagal membuat bayaran sejumlah wang yang kena dibayar kepada Bank menurut Surat Tawaran ini apabila genap masa atau kena bayar atau selepas tamat tempoh tuntutan atau notisnya (mengikut mana yang berkenaan);
- (b) jika berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan lain dalam Surat Tawaran ini atau mana-mana jaminan atau cagaran lain yang disediakan;
- (c) jika anda atau mana-mana pihak cagaran lain (jika ada) terjejas oleh perubahan matan pada keadaan anda yang pada pendapat Bank memberi kesan negatif terhadap keupayaan anda dan/atau pihak cagaran lain untuk menunaikan obligasi anda menurut Kemudahan Pinjaman/Surat Tolak-Selesai/cagaran lain selaras dengan termatertamanya;
- (d) jika Bank menetapkan, menurut budi bicara mutlaknya, bahawa penyambungan Kemudahan Pinjaman atau mana-mana bahagiannya akan besar kemungkinan memudarangkan kedudukannya sendiri atau sebaliknya tidak diingini ataupun mana-mana cagarnya tidak memadai atau terancam;
- (e) jika anda atau mana-mana penjamin atau mana-mana pihak cagaran lain atau mana-mana syarikat berkaitan lain masing-masingnya (seperti diperhal dalam Akta Syarikat 2016) ingkar mana-mana kemudahan lain yang diberi oleh Bank atau memungkiri obligasi anda/mereka di bawah mana-mana akaun lain yang diselenggara dengan Bank;
- (f) jika mana-mana penjamin dan/atau mana-mana pihak cagaran lain (jika ada) akan menarik balik sendiri atau yang dikatakan menarik balik sendiri tanpa mendapat keizinan bertulis Bank terlebih dahulu;
- (g) jika terdapat atau berlakunya sebarang pelanggaran FSA dan/atau Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait atau mana-mana surat pekeliling, garis panduan atau keperluan pihak-pihak berkuasa kawal selia;
- (h) jika terdapat perubahan matan pada keempunyaan dan/atau pengurusan anda dan/atau penjamin dan/atau mana-mana pihak cagaran (jika ada)
- (i) jika anda atau pihak cagaran anda yang merupakan sebuah perbadanan membuat sesuatu komposisi atau perkiraan bagi manfaat pembiutang anda atau mengancam untuk berbuat demikian;
- (j) jika anda atau mana-mana pihak cagaran membenarkan *judgment order distress* atau pelaksanaan terhadapnya sehingga masih tiada penyelesaian selama 21 hari atau lebih;
- (k) jika anda atau mana-mana pihak cagaran melakukan sesuatu tindakan kebankrapan atau selaku sebuah perbadanan, menghadapi apa-apa petisyen atau meluluskan apa-apa ketetapan bagi penggulungan, pembubaran, likuidasi atau penstruktur semula atau mengambil langkah ke arah kuasa penerima (*receivership*) atau tindakan sedemikian diancam;
- (l) jika sesuatu perubahan undang-undang atau peraturan berkenaan menyebabkan Bank tidak mungkin atau salah di sisi undang-undang untuk terus menyediakan Kemudahan Pinjaman itu;
- (m) jika mana-mana pihak cagaran yang merupakan sebuah syarikat berhenti atau mengancam untuk berhenti meneruskan perniagaannya; atau
- (n) jika anda atau mana-mana pihak cagaran mengambil langkah ke arah atau bercadang mengambil langkah ke arah atau telah disyiharkan oleh sebuah mahkamah atau pihak berkuasa kompeten, suatu moratorium terhadap bayaran hutang-piutang atau penggantungan bayaran secara umum.

**22 Hak Tolak-Selesai**

Bank boleh dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya, menggabung, menyatukan atau mencantumkan kesemua atau mana-mana akaun anda biar apa pun jenisnya (sama ada akaun semasa, deposit atau pinjaman) yang diselenggara dengan Bank di mana-mana cawangan dengan mana-mana liabiliti anda (tidak kira sama ada liabiliti tersebut adalah yang masa sekarang, masa akan datang, sebenar, kontingen, primer, sekunder, kolateral, bercagaran atau tanpa cagaran, berasingan atau bersama) di bawah mana-mana akaun atau perjanjian atau surat cara lain dengan Bank dan menolak-selesai atau memindah sejumlah wang (sama ada dalam mata wang yang sama atau berbeza) yang ada dalam kredit mana-mana perjanjian akaun tersebut atau surat cara untuk menyelesaikan liabiliti anda kepada Bank menurut Surat Tawaran ini dan cagaran-cagaran lain (jika ada).

**23 Saling Tukar atau Ganti Kemudahan Pinjaman**

Bank boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya, atas permintaan anda, mengubah, saling tukar atau mengganti Kemudahan dengan mana-mana kemudahan lain termasuk menukar apa-apa kemudahan menurut terma dan syaratnya (kemudian daripada ini disebut "Terma-terma tersebut") sebagaimana dinyatakan dalam surat tawaran Bank dan/atau dokumen-dokumen lain mengandungi terma-terma tersebut yang ditandatangani anda sebagai tanda penerimaannya, tanpa menjelaskan hak-hak Bank di bawah Surat Tawaran ini. Kesemua peruntukan dalam Surat Tawaran ini, melainkan peruntukan yang bercanggah dengan Terma-terma

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW

tersebut atau tidak boleh diguna pakai bagi kemudahan-kemudahan yang disaling tukar atau diganti, hendaklah terus diguna pakai kepada kemudahan-kemudahan yang disaling tukar atau diganti, kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Bank.

**24 Tanggung Rugi**

Anda beraku janji untuk mengganti rugi Bank terhadap sebarang kerugian atau perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada belanja guaman atas dasar peguamcara-klien sendiri) yang dialami atau ditanggung oleh Bank akibat keingaran anda menunaikan obligasi di bawah Surat Tawaran ini.

**25 Perubahan Undang-undang**

## 25.1

Sekiranya Bank berpendapat adalah atau akan salah di sisi undang-undang untuk Bank mengekalkan atau menguatkuasakan obligasinya sebagaimana dicadang dalam Surat Tawaran ini, maka obligasi Bank untuk memberi Kemudahan hendaklah segera ditamatkan dan jika mana-mana bahagian Kemudahan itu telah digunakan, anda hendaklah apabila diminta membayar balik kepada Bank Kemudahan itu secara penuh berserta dengan faedahnya yang terakru dan apa-apa amaun lain yang kena dibayar.

## 25.2

Jika sebarang perubahan dalam undang-undang berkenaan, peraturan atau keperluan rasmi atau menurut tafsiran atau pemakaianya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain yang ditugaskan mentadbirkannya (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) atau jika mana-mana perintah, penghakiman atau arahan akan memberi kesan menambahkan kos untuk Bank membuat, menyelenggara atau mendanai Kemudahan atau mengurangkan amaun apa-apa bayaran yang diterima atau belum diterima Bank sebanyak amaun yang dianggap matan oleh Bank, maka Bank boleh menulis kepada anda untuk memberitahu berlakunya kejadian itu dan dengan mengambil kira peruntukan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini, maka Bank adalah berhak atas budi bicara mutlaknya, tetapi tanpa obligasi untuk berbuat demikian, menarik balik, membatalkan, menamatkan, memanggil balik atau menggantung Kemudahan, maka dengan itu anda hendaklah membayar balik kepada Bank apabila diminta sejumlah wang yang akan mengganti rugi Bank bagi peningkatan kos atau pengurangan amaun yang diterima/belum terima. Sehubungan itu, anda adalah berhak, setelah membei notis awal 30 hari kepada Bank, membayar balik Kemudahan Pinjaman itu dan segala wang lain yang kena dibayar di bawahnya secara penuh berserta sejumlah wang yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya, mewakili apa-apa kerugian yang dialami Bank sebagai akibat berbangkit daripada bayaran balik tersebut, dan dengan bayaran balik ini maka Kemudahan Pinjaman itu akan dibatalkan. Surat perakuan atau pengesahan Bank yang telah ditandatangani mana-mana pegawaiannya buat masa ini tentang apa-apa amaun tambahan yang kena dibayar kepadanya, menurut peruntukan ini, adalah, kecuali terdapat kesilapan nyata, muktamad dan mengikat ke atas anda.

## 26

**Akaun Gantung**

Apa-apa wang yang diterima di bawah ini atau di bawah mana-mana dokumen cagaran di bawah Surat Tawaran ini, boleh diletak dan disimpan dalam kredit akaun gantung selama masa Bank fikir wajar tanpa obligasi buat masa ini untuk mengguna pakai wang tersebut atau bahagian wang itu bagi melunaskan apa-apa wang atau liabiliti yang anda kena bayar atau tanggung kepada Bank. Walau pun apa-apa bayaran dibuat berikut sebarang prosiding kemuflisan, likuidasi, komposisi atau perkiraan namun Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi bagi keseluruhan atau bahagian wang dan liabiliti dengan cara yang sama seolah-olah cagaran ini telah tidak diwujudkan dan tiada wang atau dividen yang diterima oleh Bank akan dianggap seakan-akan diterima berkenaan Surat Tawaran ini, tetapi amaun penuh yang dicagarkan itu perlulah anda bayar sehingga Bank telah menerima daripada semua sumber satu ratus sen dalam ringgit atas baki terakhir yang perlu anda lunaskan. Setelah Bank menerima baki terakhir itu secara penuh, maka sebarang tuntutan di pihak anda terhadap sebarang lebihan atau sebarang cagaran berbaki dengan Bank akan diselaraskan antara Bank dengan anda dan mana-mana orang lain yang mempunyai tuntutan terhadapnya.

## 27

**Penyata Akaun**

Dengan ini anda bersetuju bahawa penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank menjadi bukti muktamad dan terakhir akan hutang-piutang anda.

## 28

**Notis**

Apa-apa notis yang diperlukan atau dibenarkan dibuat oleh Bank menurut Surat Tawaran ini boleh disampaikan dan akan dianggap telah sempurna disampaikan kepada anda jika ditinggalkan di alamat tertera di bawah ini atau di tempat perniagaan atau kediaman anda yang biasa atau terakhir diketahui atau dihantar dengan surat berdaftar

Untuk Pinjaman Hong Leong SME GROW

atau pos biasa kepada mana-mana alamat tersebut atau dengan teleks atau faks atau cara elektronik yang lain kepada nombor teleks/faks yang biasa atau terakhir diketahui atau alamat mel elektronik (mengikut mana yang berkenaan). Jika diposkan, maka penyampaiannya akan dianggap telah dibuat pada masa ketika surat berdaftar atau pos biasa itu akan mengikut perjalanan biasa telah diserahkan (walaupun dikembalikan selepas itu), bagi teleks, penyampaiannya akan dianggap telah dibuat serta-merta sebaik sahaja dihantar dan disahkan oleh jawabbalik dan bagi faks pula, apabila mesin tempat faks itu dihantar mengeluarkan laporan penghantaran. Bagi mel elektronik, penyampaiannya akan dianggap telah dibuat dengan serta-merta.

**29 Kebolehasingan**

Jika apa-apa peruntukan dalam Surat Tawaran ini menjadi salah di sisi undang-undang, batal, tak sah, dilarang atau takboleh dikuatkuasakan dari segenap segi, maka peruntukan yang sama itu adalah tak efektif setakat kepenyalahan undang-undang, kebatalan, ketaksahan, larangan atau ketakbolehkuatkuasaan tersebut tanpa mentaksahkan peruntukan-peruntukan selebihnya dalam apa juar cara sekalipun. Peruntukan terlibat akan digantikan dengan peruntukan sah yang memenuhi maksud peruntukan terlibat itu.

**30 Undang-undang dan Bidang Kuasa**

Kemudahan Pinjaman dan segala hal di bawah Surat Tawaran ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak berkenaan bersetuju, apabila apa-apa tindakan atau prosiding diambil di Malaysia, mereka hendaklah akur kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam segala hal yang berkait dengan obligasi dan liabiliti mereka di bawah atau yang berbangkit daripada Surat Tawaran ini.

**31 Pengganti-pengganti Terikat**

Surat Tawaran ini akan mempunyai kuat kuasa terikat ke atas waris, wakil, pemegang serah hak dibenarkan dan pengganti hak milik dan boleh dikuatkuasakan oleh pengganti hak milik dan pemegang serah hak Bank.

**32 Keingkaran Silang**

Bank berhak meneruskan prosiding undang-undang terhadap anda atau untuk memanggil balik Kemudahan Pinjaman, faedahnya dan segala wang lain yang kena dibayar kepada Bank di bawah Tawaran Surat ini atau menahan atau menarik balik Kemudahan Pinjaman jika berlaku keingkaran membayar apa-apa wang yang anda kena bayar di bawah ini atau di bawah mana-mana akaun lain dengan Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau keingkaran membayar apa-apa wang di bawah akaun mana-mana pihak lain di mana anda dan/atau mana-mana pihak cagaran adalah penjamin atau pihak cagaran atau apabila anda dan/atau mana-mana pihak cagaran berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaan atau satu petisyen bagi anda dan/atau kemuflisan mana-mana pihak cagaran dibuat.

**33 Perjanjian Seluruh**

Surat Tawaran ini, terma dan syarat di dalam ini dan apa-apa dokumen atau surat cara yang terlampir padanya merangkumkan segala terma dan syarat yang tersebut di dalam ini dan sampingan padanya dan menggantikan segala rundingan lisan dan surat-menyerat sebelumnya ini berkenaan tajuk persoalan.

**34 Penguatkuasaan Perjanjian ini**

Surat Tawaran ini adalah sebagai penambahan kepada dan bukan penggantian mana-mana hak lain atau cagaran yang mungkin Bank dapat daripada atau terhadap anda atau dokumen cagaran lain dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan terma-termanya tanpa terlebih dahulu merujuk kepada mana-mana hak atau cagaran lain dan tanpa mengambil apa-apa langkah atau prosiding terhadap mana-mana pihak cagaran lain yang disebut sebelum ini.

**35 Remedi Kumulatif**

Remedi yang diperuntukkan di dalam ini adalah bersifat kumulatif dan tidak eksklusif bagi mana-mana remedii lain di sisi undang-undang.

**36 Masa**

Masa mana-mana disebut menjadi asas Surat Tawaran ini.

**37 Surat Tawaran Adalah Utama**

Jika terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Surat Tawaran ini dengan terma dan syarat dokumen-cagaran lain tidak termasuk Surat Tawaran, maka terma dan syarat di dalam ini adalah paling utama.

**38 Guna Bayaran**

Walau pun mana-mana peruntukan lain yang terkandung dalam Surat Tawaran ini bertentangan, namun Bank berhak menggunakan apa-apa bayaran yang diterima daripada anda atau mana-mana orang yang membuat bayaran bagi pihak anda (tanpa mengira sama ada bayaran itu diperincikan atau tidak) untuk melunaskan seluruh atau sebahagian amaun wang pokok, faedah (termasuk faedah bayaran lewat) atau apa-apa jumlah wang lain ketika itu genap masa dan kena dibayar oleh anda di bawah Surat Tawaran ini menurut apa-apa susunan yang dianggap wajar oleh Bank atas budi bicara mutlaknya.

**39 Elak Bayaran**

Apa-apa asurans, cagaran atau bayaran yang boleh dielakkan di bawah undang-undang berkaitan dengan penggulungan atau ketaksolvenan dan apa-apa pelepasan, penyelesaian atau pembebasan yang diberi atau dibuat oleh Bank bergantung kepada asurans, cagaran atau bayaran tersebut tidak akan menjelaskan hak Bank untuk memperoleh kembali daripada anda jumlah wang bercagaran sepenuhya di bawah ini. Sebarang pelepasan, penyelesaian atau pembebasan akan dianggap telah dibuat tertakluk kepada syarat hal itu menjadi terbatas jika apa-apa bayaran atau cagaran yang sebelumnya Bank telah terima atau mungkin kemudiannya terima daripada mana-mana orang berkenaan jumlah wang yang bercagaran diketepikan di bawah mana-mana undang-undang terpakai atau terbukti tak sah atas apa pun sebab.

**40 Pindaan Dokumen Cagaran**

**40.1**

Bank mempunyai hak mutlak untuk menggugurkan, menambah, memindah, mengubahsuai, mengganti atau meletakkan apa-apa terma dan syarat berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman dan/atau di bawah Surat Tawaran ini dan/atau apa-apa dokumen cagaran yang lain apabila dianggap wajar oleh Bank setelah notis awal diberi kepada anda.

**40.2**

Peruntukan dalam Surat Tawaran ini tidak boleh dipinda, diubah, diketepikan, dibebaskan, dilepaskan atau ditamatkan secara lisan, begitu juga sebarang keingkaran, pelanggaran atau peninggalan apa-apa peruntukan dalam Surat Tawaran ini tidak boleh diketepikan atau dimaaafkan secara lisan.

**41 Tambah Duti Setem**

Sekiranya jumlah wang yang didahulukan atau yang anda kena bayar dan ter hutang kepada Bank (termasuk komisen, caj jurubank, kos guaman dan kos lain, caj serta perbelanjaan) pada bila-bila masa melebihi had wang pokok yang untuknya Surat Tawaran ini disetemkan semasa itu, maka Bank akan berhak pada bila-bila masa menambah duti setem Surat Tawaran ini dari tarikh duti itu telah dibayar atau dibelanjakan oleh Bank dan sehingga dibayar hendaklah menjadi sebahagian jumlah wang yang dicagar melalui Surat Tawaran ini dan dokumen-dokumen cagaran.

**42 Surat Cara Utama dan Kedua**

DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIISYTIHARKAN bahawa Surat Tawaran ini, Surat Tolak-Selesai dan dokumen-dokumen cagaran lain adalah surat cara yang diguna dalam satu transaksi untuk mencagarkan jumlah wang pokok itu seperti diperuntukkan di bawah Surat Tawaran ini, berserta dengan semua faedahnya dan segala wang dan liabiliti yang diwaadkan dan dipersetujui anda bayar dan pihak-pihak cagaran di bawah atau bersabit dengan atau berbangkit daripada Kemudahan Pinjaman yang diberi oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut pengertian Seksyen 4(3) Akta Setem 1949, dan bagi tujuan Seksyen tersebut, maka Surat Tawaran ini dianggap surat cara primer atau utama manakala Surat Tolak-Selesai dan dokumen-dokumen cagaran lain adalah dianggap surat cara tambahan atau kedua.

---

**TAMAT**

---